



LEE (tengah) bersama pemenang dan peserta lain.

Tuah gaya Angkor Wat

Kuala Lumpur: Rekaan fesyen berkonsep 'sedia pakai' (RTW) yang diilhamkan masyarakat Kemboja dan seni bina Angkor Wat membolehkan Lee Bao En dinobatkan juara pertandingan AirAsia Runway Ready Designer Search 2015.

Pelajar tahun akhir berusia 22 tahun dari UCSI University jurusan Rekaan Fesyen dan Pemasaran itu menampilkan elemen misteri Angkor Wat dengan menerapkan seni kait dalam koleksi fesyennya.

"Elemen misteri Angkor Wat diluahkan melalui penggunaan warna seperti perang, kelabu dan putih dalam potongan gaya 'long-gar' dan minimum," katanya ketika ditemui pemberita selepas AirAsia Runway Ready Designer Search 2015 di sini, semalam.

Lee memenangi dua tiket penerbangan pergi-balik ke Tokyo tajaan AirAsia, 60,000 mata BIG Points AirAsia, sebuah komputer riba dan slot memperaga koleksi penuh pada Minggu Fesyen

Kuala Lumpur RTW 2016, selain dapat menimba pengalaman di bawah bimbingan pereka fesyen terkenal, Jovian Mandagie di House of Jovian Mandagie.

Ketua Pegawai Eksekutif AirAsia Berhad Aireen Omar berkata, AirAsia mengembangkan impian pereka muda bagi menempa nama dalam industri fesyen.

"Sebagai panel hakim, saya melihat kreativiti dan idea baru diterapkan dalam rekaan fesyen kali ini," katanya. - BERNAMA